



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PNM TERAJUI PENDIGITALAN PERKHIDMATAN, DEKATKAN RAKYAT DENGAN ILMU

Seiring aspirasi Kerajaan MADANI yang menekankan usaha memudahkan urusan rakyat serta pembudayaan ilmu, Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terus memperkukuh perkhidmatan digital demi meningkatkan akses kepada bahan bacaan dan kemudahan perpustakaan. KPN melalui PNM terus memperkukuh agenda pendigitalan perkhidmatan awam dengan memperkenalkan dua inisiatif utama iaitu **Sistem Quickbook2U@PNM** dan **Sistem Pengurusan Tempahan Ruang Sewaan (QuickKarel)**.

Quickbook2U@PNM adalah inovasi perkhidmatan digital yang membolehkan pengguna menempah buku secara dalam talian tanpa perlu hadir ke perpustakaan secara fizikal. Melalui sistem ini, pengguna boleh mengakses koleksi bahan bacaan pada bila-bila masa dan di mana sahaja, di samping menikmati kemudahan penghantaran terus ke lokasi mereka. Inisiatif ini turut menyumbang kepada pengurangan kos pengurusan serta mempercepatkan maklum balas berkaitan ketersediaan bahan.

Sementara itu, **QuickKarel** merupakan platform digital yang memudahkan orang ramai membuat tempahan ruang sewaan secara dalam talian dengan lebih pantas, sistematik dan efisien. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pengurusan, malah membantu mengurangkan tempoh permohonan, memastikan semakan ketersediaan bilik secara masa nyata serta mempertingkatkan ketepatan tempahan dan pelaporan. Pelaksanaan sistem ini selari dengan aspirasi kerajaan dalam memperkasa pendigitalan perkhidmatan awam dan meningkatkan pengalaman pengguna.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata kedua-dua sistem ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Perpaduan Negara dalam memodenkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, selaras dengan hasrat membudayakan inovasi digital serta memperluas akses kepada ilmu dan kemudahan perpustakaan.

Kementerian Perpaduan Negara terus komited sebagai peneraju dalam pembudayaan ilmu dan galakan membaca di negara ini melalui pelbagai inisiatif yang inklusif dan berimpak tinggi. Selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang menekankan pemudahan urusan rakyat, usaha pendigitalan yang dilaksanakan bukan sahaja meningkatkan akses kepada bahan bacaan, malah memperluas peranan perpustakaan sebagai hab ilmu yang moden, dinamik dan mesra pengguna.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

22 April 2026

KPN.100-9/1/16 (35)

